

PERBARISAN BULANAN PEGAWAI MEMERINTAH NO 11 SKUADRON DAN PEMAKAIAN PANGKAT

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4096-perbarisan-bulanan-pegawai-memerintah-no-11-skuadron-dan-pemakaian-pangkat-2

GONG KEDAK, 7 Nov 18 - Perbarisan Bulanan Pegawai Memerintah No 11 Skuadron telah diadakan di Hangar No 11 Skn Pangkalan Udara Gong Kedak. Perbarisan terdiri daripada 5 pegawai dan 99 anggota lain-lain pangkat yang diketuai oleh Mej Mohd Rizal bin Abd Malek TUDM manakala Pegawai Waran Perbarisan adalah PW U II Mohd Khairul Nizam bin Abd Rahim.

Dalam majlis tersebut Pegawai Memerintah No 11 Skn, Kol Rozainy bin Ahmad Rapiee@Ahmad Rofie TUDM juga telah menyempurnakan pemakaian pangkat kepada 10 anggota lain-lain pangkat. Pada Majlis itu juga turut diadakan Majlis Serah Terima Tugas Ketua Bahagian Kejuruteraan No 11 Skuadron diantara Lt Kol Nor Mizan bin Md Nor TUDM kepada Mej Suhardi bin Mohd Daud TUDM yang telah disaksikan oleh Pegawai Memerintah No 11 Skuadron. Turut hadir sama pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan anggota LLP No 11 Skuadron Pangkalan Udara Gong Kedak.



